



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**SABTU
30 OGOS 2025**



Sabtu, 30 Ogos 2025

Nasional

5

19 RUU dilulus bukti komitmen, keberanian Kerajaan MADANI

ANALISIS

Oleh
Suzalina
Halid

suzalina@bh.com.my



Pujian perlu diberikan kepada kerajaan atas komitmen dan keberanian membentangkan beberapa Rang Undang-Undang (RUU), khususnya pekerja gig dan Pembaharuan Semula Bandar (URA) pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen ke-15.

Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen ke-15 itu melambungkan tirainya kelmarin, dengan kejayaan Dewan Rakyat meluluskan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, 31 Julai lalu.

Persidangan yang berlangsung sejak 21 Julai lalu itu turut menyaksikan sebanyak 19 Rang Undang-Undang (RUU) diluluskan, termasuk RUU yang menjadi tumpuan, iaitu pekerja gig. Antara RUU lain yang diluluskan ialah RUU Perolehan Kerajaan 2025, RUU Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025, RUU Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025, RUU Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025, RUU Kredit Penggunaan 2025 serta RUU Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025.

Suhu Dewan Rakyat juga dilihat panas apabila pembentangan RUU URA menerima bantahan Ahli Parlimen pembangkang, termasuk desakan penguatkuasaan bagi bacaan kali kedua oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) Infrastruktur, Pengangkutan dan Ko-

munikasi melalui surat rasmi bertarikh 20 Ogos lalu.

Namun, RUU URA tetap dibentangkan bagi bacaan kali kedua oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, namun ia tidak sempat dibahaskan pada sesi kali ini.

Kesungguhan kerajaan untuk membawa RUU ini supaya diluluskan jelas kelihatan apabila ia ditambah baik dengan menaikkan nilai ambang persetujuan bagi diseragamkan ke paras 80 peratus.

Selain itu, turut mencuri tumpuan ialah pembentangan RUU Perolehan 2025 yang ditolak pembangkang kerana didakwa memperuntukkan lebih kuasa kepada Menteri Kewangan, diluluskan selepas 125 Ahli Parlimen menyokong.

Seperti biasa, Dewan Rakyat tidak pernah terlepas daripada insiden 'perbalahan' sesama Ahli Parlimen sepanjang tempoh persidangan, termasuklah yang berlaku antara Ahli Parlimen Pandang, Datuk Awang Hashim dan Ahli Parlimen Jelutong, RSN Rayer yang dilihat seolah-olah tidak 'sebulu' di pentas Dewan Rakyat dan natijahnya, beliau digantung kehadiran di Dewan Rakyat selama 10 hari.

Sementara bagi Ahli Parlimen lain, teguran dibuat Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul supaya tidak lagi merujuk parti PAS sebagai Parti Ajaran Sesat termasuk tidak menggelar mana-mana rakan Yang Berhormat sebagai kafir.

Ahli Parlimen main peranan
Penganalisis politik dari Universiti Malaysia Terengganu, Prof Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim, berkata secara umumnya, semua Ahli Parlimen daripada pelbagai blok sudah memainkan peranan masing-masing untuk



RUU untuk pekerja gig antara yang diluluskan di Dewan Rakyat.

membolehkan RUU terbabit dibahas dengan sebaiknya dan diluluskan.

Beliau berkata, melalui RUU Gig dan URA yang menjadi tumpuan itu, Kerajaan MADANI meneruskan kesinambungan aspirasi kerajaan sebelumnya dengan hasrat dua RUU itu dilihat sangat baik dan menjadi keperluan mendesak kepada negara kita.

"Namun sudah tentu sesuatu RUU baharu belum mantap sepenuhnya, akan ada juga kelompangan apabila diteliti secara mendalam daripada pelbagai perspektif yang berbeza. Walaupun ditentang pembangkang, namun pada saya ini permulaan yang baik untuk dua isu ini dilihat secara lebih komprehensif selepas ini."

"Belajar daripada kehangatan dua RUU ini, mungkin penambahbaikan terhadap proses libat urus dengan Ahli Parlimen pembangkang boleh ditambah baik lagi selepas ini," katanya.

Mengulas mengenai tingkah laku Ahli Parlimen sepanjang

persidangan kali ini, Mohd Yusri berkata, wakil rakyat dinasihatkan untuk lebih banyak melakukan rujukan dan 'kerja sekolah' supaya isi perbincangan memberi makna besar terhadap agenda mesyuarat.

"Saya sering ulang di mana-mana, seseorang Ahli Parlimen perlu hadir ke persidangan Dewan Rakyat, bhabinkan diri secara aktif dalam perbincangan, berhujah secara bernas dan konstruktif dalam perbincangan."

"Selain itu, mereka juga perlu berhubung secara berteknik dan jaga tingkah laku. Sama ada Pendang atau siapa sahaja, mereka perlu praktikkan empat perkara terbabit untuk jadi anggota legislatif yang berkualiti tinggi."

"Namun pada masa sama, mereka juga perlu mengawal emosi dan jaga tingkah laku semasa berdebat. Suhu politik Malaysia sentiasa panas dan ia pastinya mereka ke Dewan Rakyat. Itu antara sebab kita tengok persidangan kali ini agak panas dan hangat," katanya.

Menyentuh mengenai sesi

Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) yang mana Datuk Seri Anwar Ibrahim, terpaksa menjawab pelbagai isu panas, Mohd Yusri berkata, pemimpin itu berjaya menjawab dan menjelaskan dengan baik semua isu berbangkit.

Beliau berkata, ia termasuklah membabitkan isu Black Hawk, Batu Puteh dan kes integriti membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Walaupun ada pertikaian khusus oleh blok pembangkang, itu adalah normal. Pembangkang juga menjalankan peranan semak dan imbang yang baik sepanjang persidangan kali ini."

"Kesediaan seorang Perdana Menteri untuk setiap minggu berdiri di Dewan Rakyat bagi menjawab secara berdepan soalan daripada Ahli Parlimen adalah sesuatu yang langka atau jarang. Siapapun yang jadi Perdana Menteri selepas ini, adalah wajar untuk meneruskan amalan terbabit, bahkan lagi baik sekiranya dijadikan tradisi," katanya.

RUU Pekerja Gig 2025 perisai sosial lindung pekerja industri: GEM

Kuala Lumpur: Gabungan eHailing Malaysia (GEM) menyifatkan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang diluluskan di Dewan Rakyat kelmarin bukan sekadar dokumen, tetapi perisai sosial yang akan melindungi rakyat daripada risiko pekerjaan tidak menentu.

Ketua Aktivis GEM, Jose Rizal turut menyifatkan kelulusan RUU berkenaan sebagai Hari Kemerdekaan pekerja sektor gig, sekaligus membuktikan mereka juga layak menikmati keadilan sosial.

Namun Jose berkata, laluan RUU itu masih panjang dan undang-undang itu perlu dilaksanakan dengan adil, telus serta berpihak kepada pekerja gig dan bukan kepada pihak berkepentingan semata-mata.

"Detik ini bukan sahaja kemenangan pekerja gig, tetapi juga hadiah Hari Ke-



Ini kemerdekaan hakiki, bebas daripada eksploitasi, memiliki perlindungan sosial serta ruang untuk hidup lebih bermaruah"

Jose Rizal

merdekaan paling bermakna buat lebih 1.2 juta rakyat Malaysia yang bergantung kepada sektor ini.

"Ini kemerdekaan hakiki, bebas daripada eksploitasi, memiliki perlindungan sosial, serta ruang untuk hidup lebih bermaruah.

"Hari ini bukan noktah, tetapi titik mula. Kita akan terus menjadi mata, telinga dan suara pekerja gig Malaysia. Kita akan pastikan janji dalam RUU ini diter-

jemahkan ke dalam realiti kehidupan rakyat," katanya semalam.

Terdahulu, Dewan Rakyat meluluskan RUU berkenaan selepas tujuh tahun penggubalannya dilaksanakan. Ia diluluskan selepas dibahaskan 23 anggota Dewan Rakyat daripada blok kerajaan dan pembangkang.

RUU Pekerja Gig 2025 antara lain memperuntukkan perlindungan hak pekerja, ke-

wajipan entiti kontrak, syarat perjanjian perkhidmatan, mekanisme penyelesaian pertikaian serta penubuhan Majlis Perundingan dan Tribunal Pekerja Gig.

Dalam pada itu, Jose turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim kerana membuktikan keberanian dan ketegasan politik dalam melaksanakan sesuatu yang ramai menganggapnya sebagai mustahil.

"YB Steven Sim menjadi tonggak hadapan dalam perjuangan ini dan GEM menyanjung tinggi kepemimpinan beliau bukan sahaja mendengar, malah menyahut denyut nadi rakyat marhaen.

"Tidak dilupakan, warga penjawat awam khususnya KESUMA dan agensi yang memberikan sepenuh tenaga," katanya.

RUU PEKERJA GIG 2025 PENGHANTAR kecewa KESUMA tak tangguh bacaan kali kedua

Kuala Lumpur: Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) kecewa apabila Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 diluluskan di Dewan Rakyat di sini, kelmarin.

Timbalan Presidennya, Abdul Hakim Abdul Rani berkata, ini selepas cadangan pihaknya supaya Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menangguhkan dahulu bacaan kedua RUU berkenaan tidak diambil perhatian.

“Kita mendesak kepada penangguhan tersebut bukanlah kerana kita tidak bersetuju dengan RUU Pekerja Gig 2025. Cuma kita nampak ada kelemahan dalam rang undang-undang itu.

“Kelemahan itu juga sebenarnya berpunca daripada tiada libat urus pembangunan dasar daripada pihak KESUMA dengan kita,” katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, sektor ekonomi gig melakar sejarah baharu apabila RUU Pekerja Gig 2025 diluluskan di Dewan Rakyat selepas tujuh tahun penggubalannya dilaksanakan.

RUU itu bakal membolehkan lebih 1.2 juta pekerja gig di negara ini mendapat hak berunding gaji dan syarat kerja itu.

Ia meraih sokongan majoriti Ahli Parlimen melalui undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15.

THE STAR, SATURDAY 30 AUGUST 2025

Nation 11

By MARK RYAN RAJ
mark.ryan@thestar.com.my

THE Gig Workers Bill 2025 was passed following a voice vote in the Dewan Rakyat on Thursday (Aug 28). It was approved after 23 MPs debated its second reading.

Human Resources Minister Steven Sim told the media that the Bill not only protects the welfare of gig workers but also boosts the economy and its competitiveness.

"The progress of a nation is not measured by how much wealth we can add to those who are already wealthy, but by how much we can give to those in need," said Sim during a press conference at the media centre in Parliament.

"As our country pursues economic prosperity and progress, we want to make sure that companies, investors and workers can prosper here too. With the Bill, investors will see Malaysia as a nation that respects international labour standards and protects its workers."

He added that this landmark legislation marks a historic moment, as it concludes years-long efforts to protect and support gig workers.

"The drafting of this Bill didn't just start with this current administration—it has been in the works for years before this. But, finally, we have succeeded in making history today by ending the long wait for gig workers," said Sim.

"I would like to thank all my colleagues at the Human Resources Ministry (Kesuma) and all stakeholders who have worked tirelessly to make this bill a success. Now, the gig community have a mechanism in place to defend themselves."

He explained that the Bill will also equalise the playing field in the sector, enabling more opportunities for gig workers.

"With this clear, legal framework, we will provide a sense of certainty, clarity and transparency to the sector. All platforms, big or small, will have to abide by these laws," he said.

Sim shared that Kesuma will conduct roadshows nationwide to educate all affected stakeholders on the Bill's contents and how it affects them.

Ending a century-long struggle

Several stakeholders also attended the press conference and shared their joy at the Bill's approval.

Malaysia e-Hailing Coalition (GEM) chief activist Jose Rizal said he is overjoyed by the decision.

"Our new chapter begins now. This new beginning will go down in history as proof of the gig community's solidarity, as we stood firm against the tide for justice for all gig workers," he said.

Malaysian Professional Film Workers Association (Profima) president Khalil Salleh said the Bill ends over a century of suffering for film professionals.

"I feel a mixture of emotions: happiness, sadness and gratitude. The film industry has been around for more than 100 years, even before the time of the great Tan Sri P. Ramlee," he said.

"This suffering has been long and far-reaching. For all of the hardships we have faced, now, we are finally protected and have rights."

Malaysian Bumiputera Makeup Artists Association chairman

MERDEKA GIFTS FOR GIG WORKERS

Gig Workers Bill 2025 passed in Parliament after a vote, in time for Merdeka



Sim with various stakeholders during the press conference after the Gig Workers Bill 2025 was passed in Parliament. — Photos by ART CHEN/The Star



"The drafting of this Bill didn't just start with this current administration—it has been in the works for years before this. But, finally, we have succeeded in making history today by ending the long wait for gig workers."

Steven Sim

Datin Rosnawati said that after years of nowhere to turn to, now her community is finally recognised as official gig workers.

"Today is the most historic day for our community. Makeup artists are not limited to aspects of beauty alone but also include the fashion, entertainment and tourism industries, as well as professional image development sectors," she said.

"With this official recognition, we are empowered to pursue our careers with more enthusiasm, to elevate the gig economy."

Towards lasting security

Uni Malaysia Labour Centre (Uni-MLC) vice president and TV3 Employees Union president Khairuzzaman Mohamad said that the Bill will also protect freelance media practitioners, many of whom—almost 6,000 professionals—were among those who lost their jobs during the Covid-19 pandemic.

"Gig workers are not just e-hailing riders, they are also media professionals—journalists, pho-

tographers, videographers, presenters and more," he said.

"This entire time, freelance media professionals were not protected, but this Bill will ensure that we build the best future for everyone."

North South Initiative founder Adrian Pereira praised Kesuma for its transparency in drafting the Bill.

"It has been a long journey, but I am proud to say that Kesuma has set a very high standard, which I hope will be the gold standard for Malaysia, especially in the formulation of laws and regulations," he said.

"Most of the time, these processes are done in secrecy and behind closed doors. But, with more transparency, there is more accountability, and we have more checks and balances."

Despite some MPs debating the Bill to be postponed, Malaysian Trade Union Congress (MTUC) president Datuk Abdul Halim Mansor said that "it is better to have a roof over your head than nothing at all".

"In my 40-year career, I have

been involved in the drafting of many Bills and Acts. What people need to know is that nothing is set in stone. It will always be amended, refined and improved over time to address any gaps," he said.

Malaysian Employers Federation (MEF) president Daruk Dr Syed Hussain Syed Hussman described the Gig Workers Bill as a source of pride for Malaysia.

"Most of the provisions in our current Act are aligned with the International Labour Organisation (ILO) principles of decent work, human rights, social justice and the commitment that no one should be left behind."

"As a member of the ILO Governing Body, I am proud that Malaysia is the first country to implement such a comprehensive framework for gig workers, which I can now showcase to the ILO Global Board as an example for the world."

Content creator platform, Colla Tech Sdn Bhd's founder and chief executive officer, Henry Tye, said that this is the perfect Merdeka gift for the gig community.

"This initiative represents the

joint commitment to ensuring that independent professionals have the security they need to succeed," he said.

"The gig workforce is large, and growing, and its contribution to the country is undeniable. This collaborative effort is the best way to improve the safety and protection of our nation's talent."

Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia advisor Bryan Ng Yih Min said that the long-awaited Bill ensures that potential issues are resolved in a fair and equitable manner.

"For years, gig workers have faced numerous issues, without anyone to stand up for them. But with these laws and the establishment of the tripartite Gig Workers Tribunal, I believe that all issues can be resolved safely, peacefully and efficiently," he said.

Troopers Innovation Sdn Bhd co-founder Joshua Tan said that the Bill not only protects gig workers but also enables them to earn an income in a safe, dignified and fair ecosystem.

"It paves the way for better safety and sustainability for all Malaysians who rely on flexible work to support their families," he said.

"This is the beginning of a new era, and we must continue to fight for economic inclusion and social justice for all in the gig community."

The Gig Workers Bill 2025 was tabled for its first reading at Parliament on Monday (Aug 25).

It was drafted with a focus on four main pillars: to state a clear definition of a gig worker, workers' rights to be involved in income issues negotiations, dispute resolution mechanisms and social protection.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	30 Ogos 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	



INOVASI pelajar Kolej Komuniti Selandar di ProAlBi 2025, 'Kunang-Kunang Di Muara' reka cipta hiasan yang menggabungkan seni dan teknologi digital di Kolej Komuniti Masjid Tanah, Alor Gajah semalam.

ProAlBi jadi medan pendedahan inovasi baharu TVET

ALOR GAJAH – Projek Alam Bina 2025 (ProAlBi 2025) yang berlangsung di Kolej Komuniti Masjid Tanah menjadi pusat pendedahan idea baharu dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Alam Bina apabila menghimpunkan lebih 32 hasil inovasi pelajar institusi TVET dari dalam dan luar negara.

Program berprestij anjuran Kolej Komuniti itu menampilkan penyertaan pelajar tempatan serta antarabangsa dari Politeknik Medan, Indonesia dan Sungai Kolok Industrial & Community Education College, Thailand.

Pengarah Kanan (Akademik) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd. Daud Isa berkata, ProAlBi memberi ruang sebenar kepada pelajar untuk menzahirkan idea baharu dan penyelesaian inovatif bagi cabaran industri pembinaan masa kini.

"ProAlBi bukan sekadar pertandingan projek tetapi platform pendedahan idea baharu yang menggabungkan inovasi, penyelidikan dan penyelesaian praktikal dalam bidang

Kejuruteraan Awam dan Alam Bina.

"Kreativiti pelajar ini membuktikan pendidikan TVET mampu melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir teknikal, tetapi berdaya cipta dan relevan dengan keperluan Revolusi Industri 5.0," katanya.

Beliau berkata ketika berucap di Majlis Perasmian Penuh Program Projek Alam Bina 2025 (ProAlBi 2025) di Kolej Komuniti Masjid Tanah, di sini semalam.

Beliau menegaskan bahawa penyertaan antarabangsa yang semakin meningkat adalah bukti pengiktirafan luar terhadap program berkenaan.

Katanya, ia juga seiring dengan aspirasi Dasar TVET Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan TVET di rantau ini.

"Penyertaan dari Indonesia dan Thailand jelas menggambarkan bahawa ProAlBi kini mendapat perhatian di luar sempadan negara dan diiktiraf sebagai platform serantau. Kolej Komuniti akan terus memperkasa TVET," ujarnya.

KOSMO
30/8/25
Negara

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	30 Ogos 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	9

KOSMO! SABTU 30 OGOS 2025

NEGARA! 9

400,000 tunggu kadar upah baharu

- Kelulusan RUU Pekerja Gig dinanti-nanti rider
- Harap ada satu harga lantai ditetapkan

Oleh DIYANATUL ATIAH
ZAKARYA

MELAKA – Seramai 400,000 penghantar makanan atau rider di seluruh negara kini menantikan perubahan kadar upah perkhidmatan susulan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur kelmarin.

Penasihat Persatuan Rakan Penghantar Malaysia, Bryan Ng Yih Miin berkata, ia merangkumi isu harga lantai yang sebelum ini tidak pernah ditetapkan oleh pihak syarikat sehingga menimbulkan rasa curiga berhubung pengiraan kadar upah diberikan.

"Kadar upah sebelum ini berubah-ubah dan tidak konsisten serta tiada harga lantai.

"Pihak syarikat tidak menunjukkan cara pengiraan upah itu dibuat, jadi rider tidak tahu sekiranya amaun diberikan mencukupi atau berlaku kesalah.

"Dengan kelulusan RUU Pekerja Gig 2025 ini, kami harap satu



GOLONGAN penghantar makanan atau rider mengalu-alukan RUU Pekerja Gig 2025 yang dilihat dapat membela nasib mereka. – GAMBAR HIASAN

harga lantai ditetapkan dan sebelum ini pihak kami ada mencadangkan agar kiraan dibuat pada kadar RM1.70 per kilometer," katanya ketika dihubungi semalam.

Ujarnya, meskipun kadar upah dirasakan terlalu rendah sebe-

lum ini, namun rata-rata rider terpaksa meneruskan pekerjaan itu selepas mengambil kira peluang pekerjaan yang didakwa sukar didapati disebabkan isu latar belakang pendidikan, usia dan sebagainya.

Mengulas lanjut beliau berkata, selain permasalahan kadar upah, antara perkara lain yang memberi kelegaan kepada golongan penghantar adalah manfaat perlindungan sosial.

"Kita tahu ramai rider tidak

66

Dengan kelulusan RUU Pekerja Gig 2025 ini, kami harap satu harga lantai ditetapkan dan sebelum ini pihak kami ada mencadangkan agar kiraan dibuat pada kadar RM1.70 per kilometer."

mencarum kerana memikirkan jumlah yang perlu dibayar iaitu RM157.20 hingga RM592.80 setahun dan apabila berlaku kemalangan mereka ini tidak dilindungi.

"Dalam kerangka ini, bayaran perlindungan dicarum secara automatik iaitu pada kadar jauh lebih rendah 1 sen bagi setiap RM1 (upah)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Penghantar p-Hailing Malaysia (Penghantar), Abdul Hakim Abdul Rani turut menyuarakan perkara sama dan menyatakan kesediaan pihaknya untuk bersama-sama menambah baik kerangka RUU Pekerja Gig 2025.

Perjuangan pekerja gig menuntut kehidupan lebih bermaruah terbela

KUALA LUMPUR – Gabungan eHailing Malaysia (GEM) menyifatkan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat sebagai hadiah Hari Kemerdekaan paling bermakna buat lebih 1.2 juta rakyat Malaysia yang bergantung kepada sektor pekerjaan gig.

Ketua Aktivis GEM, Jose Rizal berkata, detik bersejarah itu bukan sahaja kemenangan pekerja gig, malah membuktikan perjuangan mereka akhirnya membuahkan hasil apabila hak mendapatkan perlindungan sosial dan kehidupan lebih bermaruah diiktiraf melalui undang-undang.

"Inilah kemerdekaan hakiki, bebas daripada eksploitasi, memiliki perlindungan sosial serta ruang untuk hidup lebih bermaruah," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Jose Rizal turut merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta khususnya Menteri Sumber Manusia, Steven Sim

yang disifatkan sebagai tonggak utama dalam memastikan RUU itu direalisasikan meskipun dianggap mustahil oleh banyak pihak.

"Steven Sim telah menjadi tonggak hadapan dalam perjuangan ini dan GEM menyanjung tinggi kepimpinan beliau yang bukan sahaja mendengar, malah bertindak menyahut denyut nadi rakyat marhaen.

"Tidak dilupakan warga penjawat awam khususnya Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan agensi yang menumpahkan sepenuh tenaga serta khidmat profesional dalam merealisasikan aspirasi ini," ujarnya.

Beliau berkata, kejayaan meluluskan RUU itu adalah hasil kekuatan kolektif bersama pelbagai pihak termasuk MTUC, UNI-MLC, PROFIMA, *North South Initiative* (NSI), komuniti



JOSE RIZAL

akademia, komuniti media sosial serta sekutu GEM yang tidak pernah gentar berdepan pelbagai cabaran.

"Perjuangan ini adalah bukti nyata bahawa apabila pekerja gig bersatu, tiada kuasa yang mampu menafikan hak kita," ujarnya.

Menurutnya, RUU Pekerja Gig 2025 bukan sekadar dokumen undang-undang, sebaliknya sebuah perisai sosial yang bakal melindungi rakyat daripada risiko pekerjaan tidak menentu.

Namun beliau menegaskan, pelaksanaan undang-undang itu kelak perlu dipastikan adil, telus serta benar-benar berpihak kepada pekerja gig, bukannya kepada pihak berkepentingan semata-mata.

Pada Khamis, selepas tujuh tahun digubal RUU Pekerja Gig 2025 diluluskan di Dewan Rakyat.

SH
30/8/25
Nasional

SH
30/8/25
Nasional

16 NASIONAL
SINAR HARIAN • SABTU 30 OGOS 2025

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Lengkap diri dengan kemahiran hijau

Generasi muda perlu
kuasai kemahiran baharu
agar tidak ketinggalan

Oleh **DIANA AZIS
PUTRAJAYA**

Generasi muda perlu melengkapkan diri dengan kemahiran hijau agar tidak ketinggalan dalam gelombang perubahan pekerjaan yang didorong ekonomi hijau dan pendigitalan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Thomas Mathew berkata, pelaburan dan teknologi semata-mata tidak mencukupi untuk menjamin kejayaan agenda sifar karbon sebaliknya kemahiran baharu diperlukan seiring keperluan industri.

Berdasarkan inisiatif kajian impak MyMahir, beliau memaklumkan, sebanyak 94 peratus daripada 949 peranan pekerjaan yang dinilai memerlukan sekurang-kurangnya satu kemahiran hijau.

"Walaupun permintaan meningkat sebanyak 11.6 peratus, bekalan bakat yang tersedia hanya 5.6 peratus.



Thomas (kiri) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Azman Mohd Yusof (tengah) meninjau reruai pameran sempena ASEAN Green Skills Fair 2025 di Putrajaya pada Jumaat.

"Jurang ini serius dan jika tidak ditangani segera, kita bukan sahaja gagal mencapai sasaran karbon sifar tetapi menjejaskan masa depan pewaris negara," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian ASEAN Green Skills Fair 2025 di sini pada Jumaat.

Beliau turut menjelaskan, transfor-

masi ketara sedang berlaku dalam pelbagai sektor antaranya pelancongan dengan 16 peratus pekerjaan berisiko tinggi akibat pendigitalan manakala 14 peratus peranan dalam minyak dan gas telah berubah susulan proses nyahkarbon.

Dalam masa sama ujanjarnya, peranan

baharu mula muncul dalam sektor kesihatan, perhotelan dan pengangkutan awam seperti jururawat digital, pereka pengalaman realiti maya (VR), juruteknik kenderaan elektrik dan pakar rantaian bekalan hijau.

"Cabaran kemahiran hijau bukan hanya di Malaysia, malah di seluruh ASEAN yang secara tidak langsung menuntut kerjasama lebih erat antara negara serantau.

"Apabila ASEAN memperkukuh kolaborasi, tenaga kerja kita akan menjadi lebih kuat, mudah bergerak dan bersedia memenuhi komitmen iklim," ujarnya.

ASEAN Green Skills Fair 2025 yang berlangsung pada Khamis hingga Sabtu dijangka menarik lebih 5,000 pengunjung termasuk pelajar universiti, golongan pencari kerja, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pegawai kerajaan, penyedia latihan serta wakil delegasi ASEAN.

Pengunjung berpeluang meneroka inovasi terkini, laluan kerjaya dan kerjasama yang membentuk ekonomi hijau ASEAN.

Pameran tersebut menandakan satu langkah besar ke hadapan dalam melahirkan tenaga kerja ASEAN yang dilengkapi kemahiran hijau dan membuka peluang pekerjaan baharu untuk generasi akan datang.